Rencana

Kewangan sosial sebagai pendorong pembangunan sosial di Malaysia

Kewangan sosial berpotensi untuk merapatkan jurang rangkuman yang masih wujud

Kewangan sosial dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam landskap kewangan Malaysia, dengan kewangan Islam sebagai peneraju. Seterusnya, melengkapkan kewangan sektor awam dan penyelesaian kewangan yang berasas komersial bagi menggalakkan daya tahan sosial yang lebih kukuh. Yang penting, kewangan sosial mempunyai tiga kualiti unik yang boleh memajukan rangkuman kewangan dengan cara yang transformatif dan menangani kekangan yang lazimnya dikaitkan dengan kewangan tradisional.

Pertama, instrumen kewangan sosial boleh direka bentuk supaya lebih fleksibel, lantas meningkatkan tahap penyerapan risiko (berbeza daripada kewangan tradisional yang berasaskan hutang). Perkara ini termasuk membenarkan syarat pembayaran balik pinjaman yang lebih fleksibel untuk disesuaikan dengan aliran pendapatan yang tidak tetap serta tidak mengenakan obligasi pembayaran balik pembiayaan kepada benefisiari (contohnya, pembiayaan menggunakan dana zakat). Bagi pembiayaan bersumberkan derma, biasanya terdapat kos minimum atau tiada kos pembiayaan yang dikenakan (contohnya, benefisiari hanya perlu membayar balik pembiayaan ihsan yang diberikan). Oleh itu, kewangan sosial dapat meningkatkan akses kepada pendanaan untuk segmen yang menghadapi cabaran dalam mengakses kewangan berasas komersial. Penggunaan struktur kewangan yang lebih fleksibel dan inovatif juga dapat mengelakkan kelemahan kewangan sedia ada menjadi lebih mendalam (contohnya, keberhutangan) yang dihadapi oleh individu atau perniagaan tersebut.

Kedua, rakan pelaksana secara amnya memperkasa pendanaan dengan program berstruktur yang meningkatkan kemahiran benefisiari dalam pengurusan kewangan, kepintaran dalam perniagaan dan bidang utama lain (contohnya, keupayaan digital). Program ini meningkatkan tahap celik kewangan mereka, memupuk tingkah laku keusahawanan serta memperkasa benefisiari untuk menjana pendapatan yang lebih mampan dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Ketiga, inisiatif kewangan sosial sering disokong oleh mekanisme pemantauan impak dan mekanisme membalas kebaikan kepada orang lain dan bukan kepada pemberi asal (*pay-it-forward*). Pelaksanaan mekanisme ini secara berkesan dapat membina kepercayaan dalam kalangan penyedia dana dan kumpulan sasar, serta memupuk kitaran yang mendorong benefisiari masa lalu menjadi sebahagian daripada usaha bagi menyokong benefisiari pada masa hadapan. Hal ini berpotensi mewujudkan rangkaian sokongan yang bernilai, lantas mengukuhkan kelebihan penyelesaian kewangan sosial.

Landskap penyelesaian kewangan sosial menjadi lebih memberangsangkan dan pelbagai

Sepanjang dekad yang lalu, beberapa institusi kewangan telah meneroka pelbagai pendekatan untuk melaksanakan kewangan sosial dengan memperhalus produk yang mereka tawarkan dari semasa ke semasa (Gambar Rajah 1). Walaupun kebanyakan usaha telah dilaksanakan sebagai inisiatif CSR, sesetengah peserta telah membangunkan kewangan sosial sebagai tawaran perniagaan yang berdaya maju. Yang menariknya, institusi kewangan yang menerima pakai VBI juga telah mula menerapkan pendekatan kewangan campuran dalam produk kewangan sosial yang ditawarkan, lantas meningkatkan akses segmen sasaran kepada modal dan perlindungan.

Gambar Rajah 1:
Ciri-ciri umum penawaran produk kewangan sosial di Malaysia



Terdapat juga kerjasama yang lebih besar dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan dan rakan pelaksana. Perkongsian ini dapat mengoptimumkan kekuatan pelbagai peserta dalam ekosistem (contohnya, ejen pengumpulan dan pengedaran, penyedia platform, pemudah cara pembayaran, pengurus dana dan pengunderait), seterusnya meningkatkan kecekapan dan jangkauan serta ditambah dengan peningkatan penggunaan alat digital.

Pada tahun 2020, iTEKAD dilancarkan. iTEKAD merupakan sebuah program rintis kewangan sosial yang menggabungkan komponen kewangan dan bukan kewangan. Fasa pertama program rintis ini telah memberikan pemahaman yang berguna bagi bank-bank peserta untuk mereka bentuk produk yang lebih fleksibel untuk ditawarkan, serta bagi pelbagai rakan pelaksana untuk menyokong latihan, pementoran perniagaan dan pemantauan impak. Sejak itu, Bank telah menyaksikan lebih banyak penyelesaian kewangan sosial dilancarkan yang konsisten dengan komponen iTEKAD bagi menyokong PKS mikro yang terjejas akibat pandemik. Produk yang ditawarkan ini menggabungkan dana dermawan (seperti geran, derma dan zakat[1]) dengan pembiayaan mikro secara kos rendah atau ihsan dan ditambah dengan latihan kewangan dan perniagaan yang berstruktur. Akhirnya, Bank sedang berusaha ke arah mengembangkan iTEKAD dan tawaran kewangan sosial yang serupa oleh pelbagai institusi kewangan ke seluruh negara. Program-program ini memerlukan kerjasama rapat dengan pelbagai rakan pelaksana dan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, MAIN, syarikat *fintech*, NGO, perusahaan sosial dan yayasan.

[1] Institusi kewangan sebagai pembayar zakat boleh memohon kepada MAIN yang menyertai program ini untuk mengagihkan sebahagian zakat yang dibayar (zakat dikembalikan) atau bekerjasama terus dengan MAIN untuk mengagihkan bahagian tertentu kepada penerima yang layak bagi pihak MAIN, tertakluk pada kriteria yang telah ditetapkan.

Gambar Rajah 2:
Gambaran keseluruhan pelbagai platform kewangan sosial sedia ada



[1] Contoh-contoh yang dinyatakan merupakan platform kewangan sosial yang dibangunkan oleh institusi kewangan di bawah model integrasi secara langsung.
[2] Cabaran-cabaran ini tiada kaitan dengan platform tertentu dan adalah berdasarkan tinjauan dalam ekosistem kewangan sosial.

Pada masa hadapan, usaha pelbagai pihak berkepentingan adalah penting, termasuk untuk menggalakkan infrastruktur perkongsian dan untuk menyokong keutamaan pembangunan negara

Apabila kewangan sosial semakin mendapat perhatian, penyelarasan dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan adalah mustahak untuk mengurangkan kos pencarian dan pengagihan, serta untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pemberian dan tadbir urus dana (rujuk Gambar Rajah 2).

Usaha ini termasuk membangunkan infrastruktur perkongsian atau menggunakan infrastruktur sedia ada dengan lebih baik, seperti dengan menjadikannya saling boleh kendali untuk mengurangkan halangan kepada produk kewangan sosial yang ditawarkan. Contoh infrastruktur ini termasuk:

- Repositori data perkongsian bagi kumpulan sasaran untuk program kewangan sosial yang dapat menyokong pemprofilan benefisiari berdasarkan maklumat risiko yang lebih baik dan penyaluran dana kepada kumpulan yang belum dipenuhi keperluannya.
- Rangkaian rakan pelaksana yang boleh dipercayai dan mempunyai kepentingan pada hasil sosial serta mempunyai hubungan yang kuat dengan komuniti mudah terjejas[2] boleh bertindak sebagai sistem sokongan bagi memupuk kepercayaan dan menggalakkan penyertaan dalam sistem kewangan.
- Papan pemuka bersepadu (*integrated dashboards*) yang mengoptimumkan antara muka berasaskan mudah alih (*mobile-based interfaces*) yang memudahkan pengemaskinian pendanaan secara masa nyata dan penzahiran impak. Perkara ini dapat menangani jurang maklumat penting mengenai landskap kewangan sosial, termasuk peluang yang tersedia bagi pihak berkepentingan yang ingin menyumbang dana atau sumber lain secara sukarela.

Satu lagi teras penting ialah menyelaraskan inisiatif kewangan sosial dengan keutamaan nasional, seterusnya meluaskan impak kewangan sosial. Keutamaan ini termasuk meningkatkan potensi penjanaan pendapatan bagi usahawan serta menyediakan sokongan pendanaan yang berkesan dari segi kos untuk penyediaan pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kemudahan untuk penyakit biasa yang tidak berjangkit. Penyelesaian pembiayaan dan perlindungan boleh direka bentuk bagi menyokong sektor-sektor ini selaras dengan tumpuan jangka panjang Malaysia terhadap pertumbuhan ekonomi yang mampan dan dorongan keusahawanan bagi menyumbang kepada masyarakat berpendapatan tinggi dan kemakmuran bersama.



[2] Antara lain, kumpulan sasaran ini ialah usahawan sedang meningkat dan kumpulan masyarakat yang mempunyai keupayaan untuk menjana pendapatan produktif apabila disokong oleh pembiayaan kecil dan nilai perlindungan.